




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **93 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,466 kes**. Tiada kes kematian direkodkan pada hari ini.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 127 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 51,052 orang. Pada hari ini juga sejumlah 785 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 283 orang di hospital, 492 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 10 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 41 orang dan 12 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dicatatkan pada hari ini.

4 Pada hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan.

5 Daripada 93 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 45 kes (48.4%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 12 kes (12.9%), saringan kluster baharu dan sedia ada 31 kes (33.3%), PERKESO dan lima (5) kes (5.4%) adalah dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 sebanyak 785 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,913 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,698 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 13.78%.

## **B SAMBUTAN CHAP GOH MEI DALAM TEMPOH PKPB**

Selaras dengan SOP sambutan Tahun Baru Cina, Kerajaan Negeri Sabah memperingatkan agar mengelakkan aktiviti kunjung mengunjung dan rumah terbuka sempena sambutan Chap Goh Mei bagi menghindar daripada jangkitan COVID-19 sebagai mana yang berlaku di Kluster Mawar, Sandakan baru-baru ini.

## **C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga 25 Februari 2021, sejumlah **201,605** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 48 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 30,574 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 28 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 40 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 245 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 85 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiga (3) tangkapan dilakukan iaitu dua (2) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002 manakala satu (1) tangkapan di bawah Akta Kastam 1967.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 503 lokasi melibatkan seramai 162 anggota APM dan 134 anggota RELA.

- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu daerah Semporna dan Kota Belud.
  
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu, pelan Imunisasi COVID-19 dan Proklamasi Darurat telah dilaksanakan di 107 lokasi melibatkan 20 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
  
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 360 hebahan di seluruh Sabah.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **93.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	95%
2	Semporna	95%
3	Kunak	95%
4	Kota Marudu	94.5%
5	Sipitang	94%
6	Beaufort	94%
7	Ranau	94%
8	Keningau	94%
9	Kinabatangan	94%
10	Beluran	94%
11	Lahad Datu	94%
12	Tenom	93.5%
13	Kota Belud	93.5%
14	Kota Kinabalu	93.5%
15	Papar	93%
16	Tuaran	93%
17	Tawau	93%
18	Penampang	92%
19	Sandakan	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
25 Februari 2021**